

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- a) berkenaan atlet yang pergi mewakili negara ke pertandingan sukan luar negara adakah mereka mendapat gaji/ elaun/ imbuhan yang sama di antara lelaki dan wanita; dan
- b) jelaskan jumlah yang diterima mengikut jantina dan kategori sukan yang dipertandingkan

(a)

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah menetapkan **Skim Elaun Latihan Atlet** bermula daripada **RM500.00 hingga RM7,500.00** bagi kesemua atlet termasuklah atlet program para bermula dari bulan Januari 2019. Skim elaun ini diberikan tanpa mengira perbezaan di antara lelaki dan wanita.

Skim Elaun ini dinilai melalui prestasi atlet di **tiga (3) temasya utama** iaitu Sukan Olimpik, Sukan Asia/ Komanwel dan Sukan SEA. Pada masa yang sama pencapaian atlet di **kejohanan individu utama** juga diberi skim elaun latihan yang setimpal tanpa perbezaan jantina.

Selain Skim tersebut, atlet-atlet juga disediakan dengan **elaun makan dan hotel penginapan** setiap kali menyertai kejohanan di peringkat antarabangsa.

(b)

MSN memperuntukkan hampir **RM1,320,900.00** sebulan untuk tujuan pembayaran elaun latihan atlet di bawah Program Latihan Atlet MSN. Seramai **809 (489 @60% lelaki dan 320 @40% wanita)** atlet normal dan para daripada sejumlah **29 jenis sukan** menerima elaun mengikut kelayakan masing-masing dengan jumlah seperti berikut :

NO	PROGRAM	LELAKI	WANITA	JUMLAH
1.	Podium	RM774,300.00	RM415,300.00	RM1,189,600.00
2.	Pelapis Kebangsaan	RM70,500.00	RM60,800.00	RM131,300.00
JUMLAH		RM844,800.00	RM476,100.00	RM1,320,900.00

Sekian, terima kasih.